

HASiL/2026/05/04 – 27

**HASiL LANCAR “OP SYAHBANDAR”: 1,300 KES BERISIKO  
KETIDAKPATUHAN CUKAI DISEMAK SELURUH NEGARA**

**MELAKA, 4 MEI 2026** – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) hari ini melancarkan **Operasi Pematuhan Cukai Peringkat Nasional 2026**, dikenali sebagai **“OP Syahbandar”**, sebagai langkah memperkukuh pematuhan cukai serta membanteras ketirisan hasil negara.

Operasi berskala nasional yang berlangsung selama lima (5) hari bermula 4 hingga 8 Mei 2026 itu menggerakkan seramai **2,195 pegawai HASiL di seluruh negara** bagi melaksanakan tindakan semakan pematuhan terhadap **1,300 kes** yang telah dikenal pasti.

HASiL Melaka bertindak sebagai tuan rumah bagi pelancaran operasi bersepadu tersebut yang memberi tumpuan kepada aktiviti audit melibatkan **Cukai Syarikat, Cukai Selain Syarikat dan Cukai Majikan**.

Selaras dengan perkembangan ekonomi digital dan landskap perniagaan semasa, **industri pembuatan** dikenal pasti sebagai fokus utama OP Syahbandar tahun ini. Antara pembayar cukai yang diberi perhatian dalam operasi ini melibatkan syarikat yang melaporkan pendapatan lebih rendah daripada margin industri, syarikat yang

Ms | 1

belum pernah diaudit, syarikat yang dikenal pasti mempunyai risiko dalam tuntutan insentif cukai, serta syarikat yang terlibat dalam transaksi harga pindahan dengan pihak berkaitan di luar negara.

Majlis pelancaran dan sesi *Flag-off* operasi telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pematuhan) di Menara HASiL Melaka. Turut hadir ialah YBrs. Encik Mohamad Fauzi Sa'at, Ketua Pegawai Pematuhan Cukai; YBhg. Datuk Mohd Shahriz Ramli, Pengarah Negeri HASiL Melaka serta barisan pengurusan kanan HASiL.

Dalam ucapannya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pematuhan) berkata operasi berkenaan mencerminkan komitmen berterusan HASiL dalam memastikan setiap pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab percukaian secara adil dan saksama. Tambah beliau lagi, HASiL akan terus memperkukuh usaha pematuhan secara strategik bagi memastikan kutipan hasil negara kekal mampan, di samping mengekang ketirisan hasil demi kepentingan negara.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan OP Syahbandar diharap dapat memberi impak positif melalui pendekatan bersepadu HASiL dalam memperkukuh tindakan pematuhan yang lebih berkesan. HASiL kekal teguh dalam memastikan integriti sistem percukaian negara terus dipelihara, sekali gus memperkukuh hasil negara serta menyokong kestabilan ekonomi.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

MEMACU EKOSISTEM  
**CUKAPINTAR**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 4 Mei 2026**

**LAMPIRAN**



YBrs. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pematuhan) menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian OP Syahbandar.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pematuhan) menyempurnakan gimik perasmian diiringi oleh barisan pengurusan kanan HASiL.



Penyempurnaan sesi pelepasan para petugas (*flag-off*) OP Syahbandar di perkarangan Menara HASIL Melaka pada hari ini.